



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
05 APRIL 2017 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- 'Orang dalam' akan dibuang kerja

39



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 05 APRIL 2017 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	'Orang dalam' akan dibuang kerja
Muka Surat	39

44 5/4/17 N/S 39

'Orang dalam' akan dibuang kerja

MPSJ bertindak tegas terhadap mana-mana kakitangan yang bersekongkol dengan pengusaha premis judi

SUBANG JAYA - Tindakan tegas termasuk buang kerja bakal diambil kepada mana-mana kakitangan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) yang didapati bersekongkol dengan pengusaha premis perjudian. Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata, tidak mustahil ada 'orang dalam' yang membocorkan maklumat sehingga menyebabkan operasi yang dilakukan oleh penguat kuasa majlis gagal.

"Saya tak nafikan memang ada 'orang dalam' yang bocorkan maklumat jika operasi atau serbuan nak dilakukan di premis perjudian. Kalau kita dapat kesan siapa mereka, tindakan serta-merta akan diambil termasuk buang kerja," katanya. Tambahnya, bukan sahaja bersekongkol dengan pengusaha premis perjudian, kakitangan melakukan kesalahan melanggar peraturan ditetapkan kerajaan juga boleh dikenakan tindakan.

"Lima kakitangan MPSJ dibuang kerja tahun lalu kerana melanggar tata tertib sebagai penjawat awam termasuk ponteng kerja dan masalah disiplin," katanya.

Nor Hisham berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mana-mana pegawai dan kakitangan yang terlibat salah laku atau salah guna kuasa.

"Pada tahun 2015, tujuh orang dikenakan tindakan tata tertib. Ini menunjukkan kita serius, kita memang tak tunggu agensi lain kenakan tindakan. Jika ada bukti, kita bertindak dulu.

Lima kakitangan MPSJ dibuang kerja tahun lalu kerana melanggar tata tertib sebagai penjawat awam termasuk ponteng kerja dan masalah disiplin." - Nor Hisham

"Jika ada mana-mana warga kerja yang salah guna kedudukan atau kuasa untuk mengeksploitasi kelemahan yang terdapat dalam prosedur untuk keuntungan peribadi, mereka tidak terlepas dikenakan tindakan sewajarnya," katanya.

Terdahulu Nor Hisham berkata, budaya integriti dalam kalangan kakitangan sudah ditetapkan dalam pekiling kerajaan.

Beliau berkata, sekiranya pihaknya mengesan ada kakitangan yang mempunyai gaya hidup mewah melebihi pendapatan diperoleh, siasatan akan dijalankan.

"Ini memang hak peribadi, kalau memang anak orang kaya tidak mengapa. Tapi kalau perbelanjaan lebih besar daripada pendapatan, kita akan siasat.

"Bagi kakitangan, setiap kali beli harta mereka kena isytihar, kalau ada buat kerja sampingan pun kena maklumkan kerana kami serius dalam meningkatkan integriti dan mengekang jenayah rasuah," katanya.

Beliau berkata, antara inisiatif diambil pihaknya untuk mengekang gejala rasuah termasuk pelaksanaan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah MPSJ Versi 2.0, 'Corporate Integrity Pledge' (CIP) dan Community Integrity Building (CIB) yang merupakan projek perintis dilaksanakan di negara ini dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia.